

25/12/2000

Rakyat perlu tolak sentimen ekstrimis politik

KUALA LUMPUR, Ahad - Rakyat Malaysia diminta bersedia melaksanakan tanggungjawab masing-masing dalam menolak mana-mana sentimen ekstrimis politik yang boleh menjejaskan keharmonian perpaduan negara.

Ahli Penasihat Perpaduan Negara, Datuk Lee Lam Thye berkata, seluruh masyarakat tanpa mengira kaum, perlu menunjukkan lebih komitmen dalam pembinaan perpaduan bagi memelihara keharmonian yang sudah dikecapi selama ini.

"Negara sudah mencapai perpaduan yang kukuh sejak negara mencapai kemerdekaan 43 tahun lalu. Kita tidak harus hapuskan apa yang kita dapat melalui semangat toleransi ini," katanya kepada Berita Harian di sini hari ini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan Hari Natal berkata, kerajaan akan mengambil tindakan terhadap sesiapa yang cuba merosakkan keharmonian kaum di negara ini.

Pada masa yang sama, Perdana Menteri juga menyebut kerajaan akan menangani aliran politik yang memainkan sentimen perkauman.

Menurut Lee, dalam menyambut musim perayaan ini, rakyat harus sedar dan bersyukur dengan nikmat serta pembangunan yang dikecapi negara.

Sehubungan itu, beliau berkata, adalah menjadi tanggungjawab setiap individu untuk memelihara nikmat ini, dan sekali gus, menolak semua aktiviti melampau yang boleh menjejaskannya.

Katanya, walaupun negara mengamalkan demokrasi berparlimen, rakyat tidak harus membangkitkan sebarang perkara sensitif yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan secara terbuka.

"Sekiranya ada pun (isu sensitif) yang ingin dibincangkan, ia perlu dibincangkan dalam forum tertutup kerana semua kaum mempunyai wakil masing-masing dan bebas menyuarakan pandangan," katanya.

(END)